

28 FEB 1999

MAHATHIR-TIBA

DR MAHATHIR TIBA DI DHAKA UNTUK SIDANG KEMUNCAK D-8

DHAKA, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk menghadiri sidang kemuncak kedua kumpulan lapan negara Islam membangun (D-8), yang bermula Isnin ini.

Dr Mahathir, disertai isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah, dan ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Zia disambut oleh Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina.

Turut hadir mengalu-alukan ketibaan beliau ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Duta Malaysia ke Bangladesh Datuk Zulkifli Ab Rahman.

D-8, ditubuhkan di Istanbul pada bulan Jun 1997 dan dianggotai oleh Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki, yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi.

Empat ketua negara dan kerajaan akan menyertai sidang kemuncak selama dua hari itu.

Di samping Dr Mahathir, ketua negara lain ialah Presiden Turki, Suleyman Demirel, Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif dan Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina.

Iran akan diwakili oleh naib presiden pertama Dr Hassan Habibi, Indonesia, menteri kebajikan dan pembasmian kemiskinan, Haryano Suyono dan Mesir oleh Menteri Luarnya Amre M. Moussa.

Wakil dari Nigeria tidak hadir pada mesyuarat persediaan sejak beberapa hari lalu berikutan pilihan raya yang diadakan di negara mereka, bagaimanapun mereka dijangka tiba esok untuk menghadiri mesyuarat.

Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan pembangunan sistem kewangan dan perbankan Islam, telah membuat kemajuan untuk mempertingkatkan usaha sama dalam takaful Islam.

Malaysia sekarang berusaha untuk mempromosikan retakaful, dan negara itu menggesa anggota D-8 untuk mengambil ekuiti dalam Asean Re-Takaful (L) Ltd, sebuah usaha sama retakaful, yang melibatkan syarikat dari Malaysia, Singapura, dan Indonesia, di Labuan.

Syed Hamid Albar berkata semalam usaha Malaysia berkaitan retakaful, yang akan dibangunkan dalam D-8, dijangka akan dimasukkan ke dalam Deklarasi Dhaka, yang akan diumumkan pada penghujung sidang kemuncak itu.

Di samping perbincangan berkaitan D-8, Dr Mahathir juga dijangka akan memberikan ucapan, sejurus selepas perasmian sidang kemuncak, beliau juga dijadualkan untuk mengadakan perbincangan dua hala dengan Hasina esok, sebelum sidang kemuncak bermula.

Jadual Dr Mahathir esok bermula dengan lawatan ke tugu peringatan Savar Smriti Shoudha, kemudian kembali ke Hotel Sheraton untuk perbincangan dua hala dengan Hasina dan seterusnya menghadiri sidang kemuncak.

Dr Mahathir dijangka berlepas pulang pada 3 Mac ini.

-- BERNAMA

MR RI